

KKT&P: 100-4/16 Jld.2(138)

23 Oktober 2007

Pengurus Besar  
Lembaga Pembangunan Perumahan dan Bandar (LPPB)  
Tingkat 13, 14, & 15, Wisma Perindustrian Jalan Istiadat, Likas  
88400 KOTA KINABALU

Presiden  
Majlis Perbandaran Sandakan  
**SANDAKAN**

Presiden  
Majlis Perbandaran Tawau  
**TAWAU**

Pesuruhjaya  
Lembaga Bandaran Kudat, **KUDAT**

Pegawai Eksekutif,  
Majlis-majlis Daerah **KUALA PENYU, SIPITANG, NABAWAN, TAMBUNAN,  
KENINGAU, TENOM, KOTA BELUD, RANAU, TUARAN, PENAMPANG,  
KUNAK, LAHAD DATU, KOTA MARUDU, SEMPORNA, KINABATANGAN,  
BELURAN, BEAUFORT DAN PAPAR**

**SURAT PEKELILING (AKAUN) BIL.4/2007 - TARIKH TERAKHIR  
PENERIMAAN TUNTUTAN BAYARAN TAHUN 2007 YANG DIPROSES OLEH  
JABATAN BENDAHARI NEGERI SABAH**

## **I. TUJUAN**

Surat Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan kepada semua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Lembaga Pembangunan Perumahan dan Bandar (LPPB) tarikh akhir penerimaan tuntutan bayaran oleh Kementerian ini untuk menyedia baucar bayaran yang akan diproses oleh Jabatan Bendahari Negeri Sabah.

## 2. LATAR BELAKANG

Selaras dengan surat Pekeliling Jabatan Bendahari Negeri Bil. 10 Tahun 2007 (Penutupan Akaun Kerajaan Negeri Sabah Tahun 2007), Akaun Kerajaan Negeri Sabah tahun 2007 akan ditutup pada 28 Februari 2008 untuk memenuhi kehendak Akauntan Negara Malaysia seperti yang terkandung dalam surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia Bil. 1 Tahun 2007. Oleh yang demikian untuk memenuhi kehendak ini dan selaras dengan Surat Pekeliling Datuk Setiausaha Tetap Kementerian Kewangan rujukan KEW (S)100-4/1 Klt.3 bertarikh 30 Ogos 2007, untuk mengelakkan bayaran lewat dan mengurangkan jumlah Akaun Kena Bayaran dan juga mematuhi AP.103, Jabatan Bendahari Negeri Sabah telah menetapkan semua baucar bayaran hendaklah disampaikan di pejabatnya pada tarikh-tarikh seperti berikut:

<b>Perbelanjaan Perbekalan Atau Kerja Yang Telah Dibuat/Siap</b>	<b>Tarikh Akhir Terima Baucar Bayaran</b>
<b>(a) Sehingga 30 November 2007</b>	<b>20 Disember 2007</b>
<b>(b) Bulan Disember 2007</b>	<b>10 Januari 2008</b>

## 3. KAEDAH PELAKSANAAN

3.1 Untuk mencapai matlamat yang tersebut dalam Perenggan 2 surat Pekeliling ini dan untuk memastikan masa yang mencukupi untuk pemprosesan tuntutan bayaran di peringkat Kementerian ini, tarikh akhir adalah ditetapkan untuk Lembaga Pembangunan Perumahan dan Bandar serta semua PBT mengemukakan tuntutan bayaran pada tarikh-tarikh seperti berikut:

<b>PERBELANJAAN BAGI TEMPOH BAYARAN</b>	<b>TARIKH AKHIR PENGHANTARAN TUNTUTAN KE KEMENTERIAN KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN</b>
<b>Perbelanjaan sehingga 31 Oktober 2007</b>	<b>Sebelum 15 November 2007</b>
<b>Perbelanjaan untuk bulan November 2007</b>	<b>Sebelum 08 Disember 2007</b>
<b>Perbelanjaan untuk bulan Disember 2007</b>	<b>Sebelum 20 Disember 2007</b>

3.2 TUNTUTAN BAYARAN YANG DISERAHKAN SELEPAS TARIKH TUTUP TIDAK AKAN DILAYAN. LPPB DAN PBT ADALAH BERTANGGUNGJAWAB MEMBUAT BAYARAN SEPERTI INI DARI KEWANGAN SENDIRI.

#### 4. PENUTUP

4.1 Kerjasama semua pihak berkaitan dengan mematuhi surat pekeliling ini amatlah dihargai.

4.2 Jika terdapat sebarang kemusykilan tentang surat pekeliling ini, sila berhubung dengan Akauntan Kanan **Cik Phak Shiu Len** melalui **NO. Telepon 088-256744**.

Sekian, harap maklum dan terima kasih.

**\*BERKHIDMAT UNTUK NEGARA DENGAN BERSIH CEKAP DAN AMANAH\***

**[ DATUK UJANG SULANI ]**

Setiausaha Tetap

s.k. AO I

Sr. IR  
PPK